

20/09/2003

Sapura jayakan Futsal amal

KUALA LUMPUR: Kumpulan Sapura bergabung tenaga dengan Yayasan Aids Malaysia (MAF) bagi menyokong acara terbaru mereka, Cabaran Futsal Red Ribbon 2003, menerusi sumbangan RM150,000.

Sapura ialah penaja rasmi Cabaran Futsal Red Ribbon 2003.

Bercakap selepas majlis penyam-paian cek oleh Sapura kepada MAF, Ketua Pegawai Operasi Sapura Telecommunications Bhd, Rodzlan Akib Abu Bakar, berkata sumbangan itu digunakan bagi penganjuran acara berkenaan, hadiah wang tunai dan juga trofi.

Kumpulan Sapura ialah organisasi berasaskan teknologi milik Malaysia 100 peratus dan perniagaannya termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta pertahanan.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, yang menerima cek itu bagi pihak MAF, berkata cabaran Futsal akan menyaksikan pasukan bertarung bagi merebut hadiah bernilai RM20,000 dalam bentuk wang tunai dan trofi.

"Futsal adalah sukan di gelanggang tertutup yang semakin popular di kalangan peminat sukan di Malaysia.

"Cabaran Futsal Red Ribbon 2003 selama dua hari yang akan diadakan pada 4 dan 5 Oktober, mensasarkan untuk mengutip RM200,000 bagi menjalankan program HIV/AIDS," kata Marina.

Semua perlawanan berlangsung di padang Sports Unlimited, Lot 14, Jalan Bersatu 13/4, Petaling Jaya dekat sini mulai 9 pagi pada kedua-dua hari berkenaan.

Mereka yang berminat menyertainya boleh mendapatkan borang dengan melayari laman web di [www.mac.org.my/LOVE/FUTSAL](http://www.mac.org.my/LOVE/FUTSAL) atau menghubungi YAM di talian 03-40451033.